



## **FELDA GLOBAL VENTURES HOLDINGS BERHAD**

No. Syarikat: 800165-P  
(Ditubuhkan di Malaysia)

RINGKASAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-TUJUH YANG DIADAKAN DI BANQUET HALL 1, LEVEL B2, MENARA FELDA, PLATINUM PARK, NO. 11, PERSIARAN KLCC, 50088 KUALA LUMPUR PADA 16 JUN 2015 PADA JAM 11.00 PAGI

---

### **1 UCAPAN ALU-ALUAN PENERUSI**

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa. Pengacara majlis memperkenalkan Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan yang hadir, kepada para hadirin. Penerusi kemudian mengucapkan kata-kata aluan kepada semua hadirin di Mesyuarat Agung Tahunan Felda Global Ventures Holdings Berhad (“FGV” atau “Syarikat”) Ke-7.

Penerusi memaklumkan sebagai pemegang saham syarikat, ahli-ahli mempunyai hak untuk menuntut satu undian pungutan suara atau undian bertulis bagi mana-mana agenda mesyuarat.

Penerusi seterusnya memaklumkan, sekiranya mana-mana Ahli mempunyai sebarang soalan berkenaan dengan resolusi yang akan dibentangkan semasa mesyuarat, Ahli tersebut hendaklah menyatakan nama dengan jelas dengan menggunakan pembesar suara yang telah disediakan. Penerusi juga memaklumkan bahawa para jemputan yang hadir tidak dibenarkan untuk bertanyakan soalan, memberi sebarang pendapat ataupun mengundi semasa mesyuarat.

### **2 KORUM MESYUARAT**

Penerusi telah memaklumkan bahawa korum mesyuarat adalah mencukupi bagi menjalankan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-7 FGV selaras dengan Artikel 58 Tataurusan Syarikat dan seterusnya merasmikan mesyuarat.

Penerusi kemudian mengisytiharkan bahawa pendaftaran akan ditutup pada jam 11.15 pagi bagi memberi laluan kepada pemegang-pemegang saham yang sedang mendaftar untuk menyertai Mesyuarat Agung ini.

### **3 NOTIS MESYUARAT**

Penerusi memaklumkan bahawa Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-7 FGV telah diedarkan kepada ahli bersama dengan Laporan Tahunan 2014 dan Pekeliling kepada pemegang saham pada 25 Mei 2015 dan mencadangkan bahawa notis untuk memanggil Mesyuarat Agung Tahunan Ke-7 FGV dianggap sebagai telah dibaca.

### **4 PEMBENTANGAN LAPORAN PRESTASI SYARIKAT BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

YBhg. Dato’ Mohd Emir Mavani Abdullah selaku Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV telah meneruskan dengan pembentangan Laporan Prestasi Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

**5 SESI SOAL JAWAB**

Sebelum meneruskan agenda mesyuarat, Pengerusi telah menjemput Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV, YBhg. Dato' Mohd Emir Mavani Abdullah untuk membentangkan soalan-soalan yang telah diterima dari Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad ("MSWG") berserta dengan jawabannya.

Pengerusi meneruskan mesyuarat dengan menjemput para hadirin untuk mengemukakan sebarang soalan berkaitan dengan Laporan Prestasi Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 atau sebarang soalan berkaitan dengan perniagaan Syarikat Kumpulan FGV. Setelah soalan-soalan dijawab, mesyuarat diteruskan dengan agenda mesyuarat.

**6 AGENDA MESYUARAT**

Penyata Kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2014 dan Laporan-Laporan Para Pengarah serta Juruaudit yang berkaitan dengannya yang dibentangkan di Mesyuarat Agung Tahunan telah diterima dan diterima pakai.

Semua resolusi berikut seperti yang dinyatakan dalam Notis Mesyuarat Agung Tahunan bertarikh 25 Mei 2015 telah diluluskan dengan sewajarnya kecuali Resolusi Biasa 4.

<b>RESOLUSI</b>	<b>AGENDA</b>
Resolusi Biasa 1	Untuk meluluskan bayaran Dividen Akhir sebanyak 4 sen sesaham biasa, di bawah sistem satu peringkat, bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.
Resolusi Biasa 2	Untuk memilih semula pengarah syarikat iaitu Datuk Dr. Omar Salim yang akan bersara menurut Artikel 88 Tataurusan Pertubuhan Syarikat.
Resolusi Biasa 3	Untuk memilih semula Pengarah Syarikat iaitu YB Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid yang akan bersara menurut Artikel 88 Tataurusan Pertubuhan Syarikat.
Resolusi Biasa 5	Untuk memilih semula Pengarah Syarikat iaitu Dato' Mohd Zafer Mohd Hashim yang akan bersara menurut Artikel 94 Tataurusan Pertubuhan Syarikat.
Resolusi Biasa 6	Untuk memilih semula Pengarah Syarikat iaitu Dato' Mohamed Suffian Awang yang akan bersara menurut Artikel 94 Tataurusan Pertubuhan Syarikat.
Resolusi Biasa 7	Untuk meluluskan pembayaran yuran Para Pengarah sebanyak RM2,091,817.00 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.
Resolusi Biasa 8	Untuk melantik semula Tetuan PricewaterhouseCoopers sebagai Juruaudit Syarikat dan untuk membenarkan para Pengarah untuk menetapkan imbuhan mereka.
Resolusi Biasa 9	Cadangan pembaharuan mandat pemegang saham bagi Urusniaga-Urusniaga Berulang Dengan Pihak Berkaitan sedia ada yang berbentuk hasil atau dagangan dan cadangan mandat pemegang saham bagi Urusniaga Berulang Dengan Pihak Berkaitan yang berbentuk hasil atau dagangan yang baharu.

**FELDA GLOBAL VENTURES HOLDINGS BERHAD (800165-P)**

## Ringkasan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-7

Resolusi Biasa 4 untuk pemilihan semula Datuk Haji Faizoull Ahmad sebagai Pengarah Syarikat menurut Artikel 88 Tataurusan Pertubuhan Syarikat tidak diluluskan dengan majoriti pada Mesyuarat Agung Tahunan ke-7 Syarikat. Oleh itu, Datuk Haji Faizoull Ahmad bersara dari jawatan sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas selaras dengan Artikel 88 Tataurusan Pertubuhan Syarikat pada penutup Mesyuarat Agung Tahunan ke-7 yang diadakan pada 16 Jun 2015.

Resolusi Biasa 7 telah diundi secara pungutan suara atau undian bertulis di Mesyuarat Agung Tahunan ke-7 FGV dan telah diluluskan berdasarkan keputusan berikut daripada Pentadbir Pungutan Suara atau Undian Bertulis, Symphony Share Registrars Sdn Bhd dan Pemantau Bebas, Symphony Corporatehouse Sdn Bhd :

<b>SETUJU</b>		<b>TIDAK SETUJU</b>	
Bilangan Saham	%	Bilangan Saham	%
2,038,471,555	84.33	378,665,900	15.67

Pengerusi memaklumkan bahawa pihak Setiausaha Syarikat tidak menerima sebarang notis untuk membentangkan dan membincangkan urusan biasa untuk mesyuarat ini.

**7 PENUTUP**

Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran Ahli-Ahli ke Mesyuarat Agung Tahunan Ke-7 FGV dan seterusnya mengisytiharkan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-7 FGV tamat pada jam 3.54 petang.